



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 24 JUN 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **45 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **8,231 kes** (95.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 24 Jun 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **enam (6) kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **8,596 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 244 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada enam (6) kes baharu yang dilaporkan, dua (2) kes adalah kes import yang mendapat **jangkitan di luar**

negara melibatkan satu (1) warganegara Malaysia dan satu (1) bukan warganegara yang merupakan pemastautin tetap.

Kesemua empat (4) kes **penularan di dalam negara** adalah di kalangan **warganegara Malaysia**. Perinciannya adalah seperti berikut:

- Selangor - tiga (3) kes;
 - satu (1) kes saringan pusat tahfiz;
 - satu (1) kes daripada Kluster Kondominium Hulu Langat;
 - satu (1) kes daripada Kluster Bukit Bintang;
- Sarawak: satu (1) kes daripada Kluster Tapak Pembinaan Kuching.

Ketiga-tiga kluster baharu ini akan diperincikan di bawah.

Sehingga kini, sebanyak dua (2) kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Tiada kes yang memerlukan bantuan pernafasan.

Adalah dimaklumkan bahawa **tiada** pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan pada hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak **121 kes** (1.41 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

KLUSTER BUKIT BINTANG

KKM telah mengenalpasti satu kluster baharu di Bukit Bintang, Kuala Lumpur. Sehingga 24 Jun 2020 jam 12 tengah hari, sebanyak 10 kes positif COVID-19 telah dilaporkan dalam kluster ini yang melibatkan

sembilan (9) kes warganegara Bangladesh dan satu (1) kes warganegara Malaysia.

Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-8498) merupakan seorang lelaki bukan warganegara yang telah menjalani saringan COVID-19 untuk masuk kerja dan didapati positif pada 15 Jun 2020. Siasatan dan saringan COVID-19 ke atas semua kontak rapat telah dijalankan. Setakat ini seramai 274 orang telah disaring di mana 203 adalah bukan warganegara dan 71 adalah warganegara Malaysia. Hasil siasatan mendapati:

- Sembilan (9) orang dikesan positif COVID-19; dan
- 265 negatif COVID-19.

Tujuh (7) daripada 10 kes positif kluster ini adalah rakan serumah kepada kes indeks.

Langkah pencegahan seperti proses pembersihan dan nyah kuman telah dijalankan di tempat kediaman mereka serta lokasi-lokasi lain yang berkaitan. Punca jangkitan kluster ini adalah masih dalam siasatan.

KLUSTER TAPAK PEMBINAAN KUCHING

Sebuah kluster tapak pembinaan baharu telah dikenalpasti di Kuching, Sarawak. Kluster ini mula dikesan apabila kes ketiga kluster ini (iaitu kes ke-8591) telah membuat saringan COVID-19 di sebuah klinik swasta dan didapati positif COVID-19. Beliau merupakan ketua penyelia kepada dua orang pekerja warga Indonesia yang telah dikesan positif COVID-19 pada 16 Jun 2020 hasil saringan di tempat kerja.

Susulan itu, siasatan dan saringan kontak rapat termasuk pekerja-pekerja tapak pembinaan tersebut serta ahli keluarga mereka telah dijalankan. Setakat ini seramai 426 kontak telah dikenalpasti di mana seramai 62 orang didapati negatif COVID-19 dan selebihnya (iaitu 364 kontak) masih menunggu keputusan. Punca jangkitan adalah masih dalam siasatan.

KLUSTER KONDOMINIUM HULU LANGAT

Kes indeks kluster ini (kes ke-8368) merupakan seorang pelajar pusat tahfiz yang dikesan positif saringan COVID-19 pada 8 Jun 2020. Aktiviti pengesanan kes secara aktif telah dijalankan dan dua (2) lagi kes positif dikesan di dalam kluster ini. Kes pertama merupakan bukan warganegara (kes ke-5818) namun merupakan bapa saudara angkat kepada kes indeks. Beliau tinggal di kediaman yang lain, namun terdapat aktiviti kunjung-mengunjung di antara mereka. Salah seorang rakan sekerja kepada kes ke-5818 turut dikesan positif COVID-19 (iaitu kes ke-5894).

Sehingga 24 Jun 2020, seramai 40 kontak rapat telah dikenal pasti dan disaring. Daripada jumlah keseluruhan ini, 26 orang adalah bukan warganegara dan 14 orang adalah warganegara Malaysia. Keputusan saringan adalah seperti berikut:

- Tiga (3) kes dikesan positif COVID-19;
- 30 kes negatif COVID-19; dan
- Tujuh (7) orang masih menunggu keputusan;

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin mengingatkan masyarakat bahawa bahaya jangkitan COVID-19 adalah masih wujud di dalam komuniti. KKM juga menyeru masyarakat agar sentiasa berwaspada dan mengambil langkah-langkah pencegahan jangkitan COVID-19 apabila melakukan aktiviti kunjung-mengunjungi, terutama apabila melibatkan warga emas dan kanak-kanak.

Terus amalkan nasihat-nasihat kesihatan yang disarankan oleh KKM iaitu:

- **Elakkan 3S / 3C:** iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang **dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), sangat digalakkan memakai alat pelitup separuh muka (penutup hidung dan mulut - *face mask*) di tempat awam atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elak bersalaman / bersentuhan;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjungi;
 - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Selain itu, ingatlah kepada S.O.P, iaitu:

- **S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah PKPB;
- **O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P:** Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

24 Jun 2020 @ 5.00 petang

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 24 JUN 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	18
KEDAH	0	96
PULAU PINANG	0	121
PERAK	0	258
SELANGOR	5 (2)	2,032
NEGERI SEMBILAN	0	1,015
MELAKA	0	256
JOHOR	0	688
PAHANG	0	365
TERENGGANU	0	111
KELANTAN	0	156
SABAH	0	366
SARAWAK	1	570
W.P. KUALA LUMPUR	0	2,430
W.P. PUTRAJAYA	0	97
W.P. LABUAN	0	17
JUMLAH KESELURUHAN	6 (2)	8,596

*() adalah merujuk kepada kes-kes import